**SUPPIAH PAKRIASAMY** A

**lwn.**

**S BALARAJAH & YANG LAIN (NO 1)**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU B
ABD HALIM AMAN H
[SAMAN PEMULA NO: 24M-214-2010]
31 JANUARI 2011

***PROFESION UNDANG-UNDANG:*** *Jawatankuasa Peguam Negeri - Mesyuarat agong luar biasa - Mesyuarat agong luar biasa untuk memecat Pengerusi - Sama ada mesyuarat dipanggil dengan teratur dan sah - Sama ada prosedur pemecatan teratur dan sah - Sama ada ultra vires Akta Profesion Undang-Undang 1976* C

***PROSEDUR SIVIL:*** *Pliding - Saman pemula - Pengenepian - Pemecatan Pengerusi Jawatankuasa Peguam Negeri - Saman pemula untuk perintah bahawa pemecatan tak sah - Sama ada tidak wujud kausa tindakan yang sah - Sama ada defendan-defendan tidak wajar dijadikan defendan - Sama ada tindakan mengaibkan, remeh dan satu salahguna proses mahkamah - Sama ada harus diketepikan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(1)(a), (b), (d), A. 92 k. 4* D E

Plaintif, Pengerusi kepada Jawatankuasa Peguam Negeri Johor ('JPNJ'), telah dipecat dari jawatannya ekoran satu mesyuarat agong luarbiasa JPNJ ('EGM') yang diadakan pada 26 November 2010. Tidak berpuashati, plaintif memohon periystiharan, melalui saman pemulanya di sini, bahawa pemecatannya adalah tak sah dan batal. Sementara itu, defedan-defendan, yang merupakan sebahagian dari ahli-ahli JPNJ, memohon untuk membatalkan tindakan plaintif di bawah A. 18 k. 19(1) dan A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Tidak dinafikan bahawa EGM telah direkuisisi oleh defendan-defendan, setelah JPNJ yang dipengerusikan oleh plaintif enggan memanggilnya. Adalah pendirian defendan-defendan bahawa keengganan tersebut adalah bertentangan dengan kehendak s. 70A(3) Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('APU 1976'). Apapun, di hadapan yang arif hakim, plaintif berhujah bahawa pemecatannya adalah tak sah kerana usul untuk memanggil EGM, selain dari tidak menyatakan secara spesifik mengenai 'usul tidak percaya' terhadapnya, telah tidak diserahkan F G H I

kepada kesemua 1450 ahli-ahli JPNJ. Defendan-defendan pula berhujah bahawa pemecatan plaintif adalah sah kerana: (i) notis untuk EGM telah dikeluarkan kepada semua ahli JPNJ dengan bantuan Majlis Peguam; (ii) usul untuk memecat plaintif (dan ahli jawatankuasanya) telah dibahas dan diluluskan melalui undian; (iii) perlantikan defendan pertama sebagai pengerusi baru JPNJ telah dijalankan dengan sah; dan (iv) perlantikan defendan pertama sebagai pengerusi baru JPNJ (beserta jawatankuasanya yang baru) telah diiktiraf oleh Majlis Peguam. Defendan-defendan juga berhujah bahawa mereka bukanlah pihak yang wajar dinamakan sebagai defendan, kerana usul-usul yang dicabar diluluskan oleh Dewan, dan bukannya oleh mereka secara peribadi.

**Diputuskan (membenarkan permohonan defendan-defendan; membatalkan saman pemula plaintif):**

**(1)** Tuntutan plaintif adalah sesuatu yang mengaibkan, remeh serta suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Ia adalah 'plainly and obviously unsustainable' di mana tiada isu berbalah yang dibangkitkan yang mewajarkan penentuannya melalui prosiding selanjutnya. (perengan 22)

**(2)** Usul telah dibincangkan dan diluluskan oleh Dewan melalui EGM dan bukannya oleh defendan-defendan. Apa yang dipohon plaintif adalah terhadap kesahan EGM yang dikatakan *ultra vires* APU 1976. Oleh itu, kesemua defendan di sini bukanlah merupakan pihak yang wajar untuk dijadikan defendan. Pihak yang selayaknya dinamakan sebagai defendan adalah pihak Majlis Peguam. Ianya mengikut bahawa plaintif tidak mempunyai kausa tindakan yang sah di sisi undang-undang. Tindakan plaintif menamakan defendan-defendan di sini sebagai defendan jelas tidak tepat dan tidak perlu, dan malah telah mendatangkan kesusahan kepada defendan-defendan. (perenggan 22).

**(3)** Notis untuk EGM bertarikh 10 November 2010 dan 23 November 2010 telah dikeluarkan dan disampaikan kepada ahli-ahli melalui bantuan Majlis Peguam. Notis-notis tersebut adalah sah, dan begitu juga EGM yang diadakan. (perenggan 22)

**(4)** Semasa EGM usul-usul untuk memecat plaintif dan ahli jawatankuasanya telah dibahas dengan sepenuhnya oleh ahli-ahli dan ia telah diluluskan dengan undi majoriti. Keputusan yang dicapai melalui EGM yang sah itu adalah suatu keputusan yang sah dan mengikat. (perenggan 22)

**Case(s) referred to:**

*Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 SC* ***(refd)***

*Government of Malaysia v. Lim Kit Siang [1988] 1 CLJ 219; [1988] 1 CLJ (Rep) 63 SC* ***(refd)***

*Raja Zainal Abidin Raja Tachik & Ors v. British American Life & General Insurance [1993] 2 SCR 650* ***(refd)***

*Sim Kie Chon v. Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ (Rep) 293 SC* ***(refd)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Legal Profession Act 1976, s. 70A(3)

Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(a), (b), (d), O. 92 r. 4

*Bagi pihak plaintif - P Suppiah (Jayakumar & Azmi with him); T/n Abdul Rahman Saad & Assocs*

*Bagi pihak defendan-defendan - Hj Sulaiman Abdullah; T/n WJ Chen & Company*

*Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad*

## PENGHAKIMAN

### Abd Halim Aman H:

### Pendahuluan

**[1]** Perkara yang menjadi penentuan di hadapan saya ialah terhadap tiga permohonan yang difailkan oleh defendan-defendan seperti berikut:

a. Kandungan (10) – permohonan yang difailkan oleh defendan ke-11 dan 12 untuk membatalkan tuntutan/saman pemula plaintif di bawah A. 18 k. 19(1)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, atau di bawah A. 18 k. 19(1)(b), (d) dan/atau A. 92 k. 4.

b. Kandungan (12) – permohonan yang difailkan oleh defendan ke-13 dan 14 untuk membatalkan tuntutan/saman pemula plaintif di bawah A. 18 k. 19(1)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, atau di bawah A. 18 k. 19(1)(b), (d) dan/atau A. 92 k. 4.

A c. Kandungan (14) – permohonan yang difailkan oleh defendan ke-2 hingga 10 untuk membatalkan tuntutan/saman pemula plaintif di bawah A. 18 k. 19(1)(a), KKMT 1980 atau di bawah A. 18 k. 19(1)(b), (d) dan/atau A. 92 k. 4.

B **[2]** Permohonan yang terdapat di kandungan (10), disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh Hisyam bin Abdullah @ Teh Poh Teik bertarikh 24 Disember 2010 (kandungan (11)).

**[3]** Permohonan yang terdapat di kandungan (12), disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh Norman Joseph Fernandez bertarikh
C 24 Disember 2010 (kandungan (13)).

**[4]** Permohonan yang terdapat di kandungan (14), disokong oleh afidavit yang dikrarkan oleh R. Jayabalan bertarikh 27 Disember 2010 (kandungan (15)).

D

**[5]** Terhadap ketiga-tiga permohonan yang difailkan oleh pihak defendan-defendan ini, pihak plaintif telah memfailkan suatu afidavit jawapan yang terdapat di kandungan (17) bagi membantah terhadap ketiga-tiga permohonan tersebut.

E

**[6]** Di samping itu pihak defendan ke-2 hingga ke-10 telah memfailkan afidavit kedua mereka (kandungan (18)). Manakala pihak defendan ke-13 dan 14 pula, juga telah memfailkan afidavit kedua mereka. (kandungan (19)).

F **Latar Belakang Kes**

**[7]** Plaintif dahulunya adalah merupakan Pengerusi kepada Jawatankuasa Peguam Negeri Johor, tetapi telah dipecat dari menjawat jawatan tersebut melalui satu EGM yang diadakan pada
G 26 November 2010. Plaintif kini memohon melalui kandungan (3) untuk satu perintah bahawa pemecatannya, Ahli Jawatankuasanya serta Setiausaha adalah tidak sah.

**[8]** Defendan-defendan pula telah memfailkan permohonan
H mereka masing-masing untuk membatalkan saman pemula yang telah difailkan oleh plaintif (kandungan (10), (12) dan (14)).

**Ringkasan Kes Plaintif**

**[9]** Plaintif mengatakan bahawa terdapat dua usul yang
I dicadangkan oleh defendan ke-11 dan ke-13 yang mana di antara isi kandungannya adalah untuk memecat Pengerusi dan Ahli

Jawatankuasa yang lain serta untuk mengadakan EGM pada 26 November 2010. Akan tetapi usul-usul tersebut telah ditolak oleh Jawatankuasa Peguam Negeri.

**[10]** Walau pun kedua-dua usul tersebut telah ditolak, satu EGM tetap juga dijalankan yang mana di dalam EGM tersebut resolusi-resolusi pemecatan plaintif dan Ahli Jawatankuasa yang lain telah diluluskan.

**[11]** Seterusnya, pada 30 November 2010, defendan 1, 2, 3, 8, 9 dan 10 dikatakan telah memasuki pejabat Jawatankuasa Peguam Negeri dan mengambilalih kawalan fizikal ke atasnya.

**[12]** Seterusnya plaintif mengatakan bahawa pemecatannya adalah tidak sah kerana:

a. Kedua-dua usul tersebut telah tidak diserahkan kepada kesemua 1450 ahli-ahli Badan Peguam Johor dan tarikh EGM pula telah tidak dimaklumkan kepada kesemua ahli.

b. Notis 'Motion of No Confidence' telah gagal dinyatakan secara spesifik dalam usul-usul tersebut.

**Ringkasan Kes Defendan**

**[13]** Defendan-defendan mengatakan bahawa alasan Jawatankuasa Peguam Negeri Johor yang dipengerusikan oleh plaintif menolak usul-usul yang dikemukakan adalah tidak dapat diterima oleh perekuisisi. Defendan-defendan mengatakan bahawa, s. 70A (3) Akta Profession Undang-Undang 1976 memperuntukkan bahawa apabila sesuatu rekuisisi untuk EGM dikemukakan oleh sejumlah ahli yang mencukupi, maka Jawatankuasa Peguam Negeri hendaklah mengadakan EGM dalam masa 30 hari dari tarikh serahan.

**[14]** Oleh itu, kegagalan Jawatankuasa Peguam Negeri Johor yang di Pengerusikan oleh plaintif dikatakan merupakan satu kegagalan 'mandatory'. Di atas alasan tersebut, perekuisisi sendiri yang telah memanggil EGM tersebut.

**[15]** Defendan-defendan juga mengatakan bahawa pemecatan plaintif dan ahli jawatankuasanya adalah sah berdasarkan kepada:

a. Notis untuk EGM bertarikh 10 November 2010 dan 23 November 2010 telah dikeluarkan kepada ahli-ahli dengan bantuan Majlis Peguam.

A b. Usul-usul untuk memecat plaintif dan ahli jawatankuasanya telah dibahaskan dan telah diluluskan melalui undian.

c. Perlantikan defendan pertama sebagai Pengerusi telah dijalankan dengan sah di mana pada asalnya Encik Jayakumar
B juga telah dicalonkan sebagai Pengerusi tetapi telah menarik diri. Oleh itu, defendan pertama telah dipilih sebagai Pengerusi tanpa pertandingan.

d. Majlis Peguam juga telah menghantar dua wakil sebagai pemerhati ke EGM tersebut. Majlis Peguam juga telah
C menghantar surat mengiktiraf defendan pertama sebagai Pengerusi dan ahli jawatankuasa barunya.

**Kandungan (10), (12) dan (14)**

D **Ringkasan Kes Defendan**

**[16]** Defendan mengatakan memandangkan EGM yang diadakan adalah sah, maka pemencatan plaintif dan ahli jawatankuasanya juga adalah sah.

E **[17]** Defendan-defendan mengatakan bahawa plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan-defendan secara peribadi kerana usul tersebut telah diluluskan oleh Dewan.

**Ringkasan Kes Plaintif**

F **[18]** Plaintif mengulangi penyataannya bahawa pemecatannya adalah tidak sah dan plaintif berhak untuk menamakan defendan-defendan di dalam prosiding ini.

**Kedudukan Kandungan (10), (12) Dan (14)**

G **[19]** Prinsip yang diputuskan di dalam kes *Raja Zainal Abidin bin Raja Tachik & Ors. v. British American Life & General Insurance* [1993] 2 SCR 650 wajar diteliti kerana prinsipnya sesuai diterimapakai di dalam kes-kes sebegini keadaanya, bila mana
H diputuskan:

> For any court to dismiss an action summarily under Order 18 Rule 19, there ought, in all probability, have been an absence of conflict material evidence or of conflict of affidavits on material point, so that seemingly triable issues, seemingly difficult ones
I could be readily decided in such a way as to lead to the conclusion that the action was bound to fail.

**[20]** Di dalam kes *Sim Kie Chon v. Superintendent of Pudu Prison & Ors* [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ (Rep) 293, 294 pula diputuskan bahawa: A

> The principle governing the striking out of pleadings is clear in that it is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under Order 18 Rule 19 of the RHC 1980: B
>
> > the summary procedure under this Rule can only be adopted when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'. (*Attorney General of Duchy of Lancaster v. L & NW Railway Co.* [1892] 3 Ch. 274 (Supreme Court Practice 1985). C

**[21]** Permohonan oleh kesemua defendan ini diketiga-tiga kandungan telah diteliti dengan sepenuhnya. Isi kandungan setiap afidavit yang menyokong dan afidavit tambahan serta juga afidavit yang menentang turut diberikan perhatian. Juga eksibit yang dilampirkan turut diberikan penekanan. Otoriti kes yang dirujuk, turut diberikan pertimbangan. Setelah menimbangkan penghujahan yang disampaikan, adalah dengan ini diputuskan bahawa permohonan yang difailkan oleh defendan-defendan di kandungan (10, (12) dan (14) ini adalah dengan ini diizinkan. Ia diizinkan dengan kos. Saman pemula yang difailkan oleh pihak plaintif melalui Saman Pemula No: 24M-214-2010 dibatalkan di bawah A. 18 k. 19(1)(a), (b) dan (d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Permohonan defendan-defendan diizinkan dengan kos. D E F

**[22]** Alasan-alasan bagi keputusan tersebut dicapai adalah seperti berikut:

a. Tuntutan plaintif di sini adalah sesuatu yang dianggap sebagai 'plainly and obviously unsustainable' yang mana 'nature' tuntutannya boleh ditentukan hanya melalui pliding sahaja. G

b. Tidak terdapatnya apa-apa isu berbalah berjaya dibangkitkan oleh pihak plaintif yang mana mewajarkan penentuannya perlu ditentukan melalui prosiding selanjutnya. H

c. Tidak wujud suatu 'cause of action' yang sah di pihak plaintif di sini seperti mana yang didefinasikan melalui kes *Government of Malaysia v. Lim Kit Siang & Another Case* [1988] 1 CLJ 219; [1988] 1 CLJ (Rep) 63 bila mana dinyatakan: I

A a cause of action to mean a factual situation, the existence of which entitles one person to obtain from the court a remedy against another person.

Perkara 'cause of action' adalah 'vital' untuk ditentukan di dalam apa jua keadaan sekalipun, kerana ia bukan sahaja dapat menentukan sesuatu asas tindakan, malah ia berselari di dalam penentuan isu *'locus standi'* sesuatu pihak.

d. Isi kandungan afidavit yang difailkan oleh defendan-defendan jelas memperlihatkan akan wujudnya fakta-fakta yang dipertikaikan. (Rujuk kepada kandungan (11), (13), (15), (18) dan (19)).

e. Tuntutan plaintif di sini adalah merupakan sesuatu yang mewajarkan yang ianya boleh ditentukan hanya melalui "Summary Procedure". Ia adalah sesuatu yang dianggap 'plain and obvious'.

f. Tindakan plaintif menamakan defendan-defendan di sini adalah tidak tepat (improperly) dan tidak perlu (unnecessarily), malah ia mendatangkan kesusahan kepada defendan-defendan (unnecessary inconvenience). Tiada relif yang spesifik dipohon dan dinyatakan terhadap defendan-defendan.

g. Usul tersebut telah dibincangkan serta diluluskan oleh Dewan melalui EGM, dan bukannya oleh defendan-defendan yang dinamakan. Apa yang dipohon oleh plaintif adalah terhadap kesahan 'EGM' yang dikatakan *'ultra-vires'* Legal Profession Act 1976. Oleh itu, kesemua defendan di sini bukanlah merupakan pihak yang 'proper' untuk dinamakan. Pihak Majlis Peguam adalah pihak yang selayaknya dinamakan sebagai defendan.

h. Notis untuk EGM bertarikh 10 November 2010 dan 23 November 2010 telah dikeluarkan dan disampaikan kepada ahli-ahli melalui bantuan dari Majlis Peguam. Notis-notis tersebut adalah sah. EGM tersebut adalah juga sesuatu yang sah diadakan dan perkara ini diakui oleh pihak plaintif di dalam hujahannya.

i. Semasa EGM tersebut, usul-usul untuk memecat plaintif dan ahli jawatankuasanya telah dibahaskan dengan sepenuhnya oleh ahli-ahli dan ianya telah diluluskan dengan undi majoriti.

Keputusan serta resolusi yang dicapai melalui EGM yang sah tersebut adalah merupakan suatu keputusan yang sah dan yang mengikat.

j. Lantas tuntutan oleh plaintif di sini adalah sesuatu yang mengaibkan, remeh serta suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

**[23]** Melihat kepada prinsip yang diputuskan melalui kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7 (Supreme Court), "that the power of court to dismiss an action summarily is a drastic one and hence court will only strike out a claim in 'plain an obvious' cases where the claim is obviously unsustainable on the face of it", prinsip kes tersebut adalah jelas terpakai di dalam situasi kes ini.

**[24]** Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya dengan ini memutuskan bahawa permohonan defendan-defendan di kandungan (10), (12) dan (14) diizinkan. Ketiga-tiganya diizinkan dengan kos.